

BERITA HARIAN 1 MEI 2015 M/S 1 & 4 (NABIONAL)

KIT HALAU MAKHLUK HALUS

// UNIVERSITI
MALAYSIA
PAHANG
PERKENAL KIT
ANTIHISTERIA
- yang dapat bantu
merawat gangguan
makhluk halus



// KIT DIJUAL
RM8,750
MERANGKUMI
KURSUS DAN
LATIHAN
untuk guna
produk, rawatan
pakar, khidmat
nasihat atas talian

BERITA MUKA 4

SUNWAY UNIVERSITY BH

BIASISWA SUNWAY-BH

Sunway dan BH menawarkan biasiswa untuk 4 pembaca bertuah!

Untuk maklumat lanjut, sila lihat di dalam

BH PLUS Layari www.bharian.com.my

SEGMEN BERBAYAR BH PLUS

CHE TA TAK LARAT MENGANDUNG LAGI?

Kandungan BH ONLINE masih percuma

Kit antihisteria UMP rawat gangguan makhluk halus

BERITA HARIAN 1 MEI 2015 M/S 1 & 4 (NABIONAL)

» Dijual pada harga RM8,750 merangkumi kursus, latihan bagi dua orang gunakan produk

Oleh Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@oh.com.my

Putrajaya

Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkenalkan kit antihisteria yang dapat membantu merawat gangguan makhluk halus yang sering dialami pelajar.

Kit yang mengambil masa tiga tahun untuk dihasilkan, dilengkapi peralatan seperti penyepit jari, asid formik, penyembur lada hitam, garam, linsu dan cuka yang sering digunakan untuk menghalau makhluk halus daripada teras menganggu pesakit.

Alahan makhluk halus
Naib Canselor UMP, Datuk Dr Dainy Nasir Ibrahim, berkata semua barang yang digunakan dalam kit berkenaan adalah elemen yang memberi alahan kepada makhluk halus.

Dalam al-Quran dan hadis ada dinyatakan, mereka ini alah pada benda masin (garam), masam (limas dan cuka) serta yang pedas seperti lada hitam.

Selain itu, penyepit digu-



Yang Dipertua Persatuan Kabajikan Bina Budi Malaysia, Dr Zahid Sidek ketika pelancaran kit anti histeria di Kementerian Pendidikan Malaysia, Putrajaya, semalam.

nakan untuk menyepit jari mangsa, manakala asid formik bertungsi seperti air panas untuk makhluk halus berada, namun tidak halas asid formik ini lebih baik berbanding air panas," katanya pada sidang media pelancaran kit antihisteria di Kementerian Pendidikan, di sini, semalam.

Dainy Nasir berkata, seramai tiga penyelidik UMP serta seorang ahli perubatan Islam dari Pusat Rawatan Islam Manarrah terlibat dalam penyelidikan dan phakoya sudah menjalankan percubaan di sebanyak 11 sekolah seluruh negara yang pelajaranya sering

menjalani histeria.

Patuh syariat
"Kerang dalam kit itu juga sudah lama digunakan bagi urusan menyembuhkan pesakit, cuma kita memberi sedikit pembaharuan bagi memudahkan urusan. Ia juga patuh syariah serta bebas daripada sebarang perkara yang bertentuk

metafizik, tabyul atau khurafat yang messyakkul," katanya.

Kit itu dijual pada harga RM8,750 merangkumi kursus dan latihan bagi dua orang untuk menggunakan produk berkenaan. Khidmat rawatan pakar jika kes tidak selesai, rawatan lanjut bagi kes kronik, tiga kali isian semula barangan dalam kit, sesi ceramah, kos pengurusan risiko dan keselamatan serta khidmat nasihat atas talian.

Selain itu, UMP memperimbangan untuk memubuhkan sebuah Makmal Perubahan Islam bertujuan mengembangkan kajian ilmiah dan saintifik dalam bidang berkenaan.

Islam galak umat ikhtiar ubati sihir, histeria

Kuala Lumpur: Islam membuka ruang yang luas untuk umatnya mencari ikhtiar bagi mengubati gangguan makhluk halus termasuk histeria dan sihir selagi pendekatan termasuk bahan serta bacaan tidak bercanggah dengan syariat Islam.

Sehubungan itu, Mufti Ke-

lantan, Datuk Mohamad Shukri Mohamad, berkata usaha Universiti Malaysia Pahang (UMP) memperkenalkan kit antihisteria perlu diperluas kerana jika terbukti misifit bekenan memberikan keabakan kerana hukumnya harus dalam mengubati penyakit itu.

Katanya, dalam bidang per-

obatan, Islam mengutamakan niat, pendekatan atau cara dan matlamat yang tidak bercanggah dengan hukum syarak.

Bagaimanapun, katanya penyelidikan juga perlu membuat kajian terperinci mengenai histeria yang sering dikaitkan dengan masyarakat Melayu.

"Kita perlu bincang lebih

lanjut kenapa histeria berlaku dalam masyarakat Melayu, adakah masalah itu tidak berlaku pada bangsa lain dan kenapa?"

"Selepas kajian, hasilnya perlu didedahkan untuk memberi maklumat mengenai punca-punca," katanya ketika dihubungi malam tadi.

Untuk komen, hantar e-mel menerusi business@bh.com.my atau di laman Facebook BH Online